

**GARIS PANDUAN  
PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK  
PEMBELAJARAN TERBUKA  
DAN JARAK JAUH  
(*OPEN AND DISTANCE LEARNING – ODL*)  
UNIMAS**

**(2022)**

## ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Pengenalan	3
2.	Skop	3
3.	Definisi	3
4.	Peranan dan Tanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pusat Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)</li> <li>• Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM)</li> <li>• Fakulti</li> <li>• Pensyarah</li> <li>• Pelajar</li> </ul>	8
5.	Pembangunan dan Penyampaian Program	10
6.	Penilaian Pelajar	12
7.	Pemilihan Dan Khidmat Sokongan Pelajar	13
8.	Staf Akademik	13
9.	Sumber Pendidikan	14
10.	Pemantauan Program, Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI), dan Semakan Kurikulum (CRM)	14

Edisi Pertama, 20 Jun 2022

Diperakui oleh Mesyuarat Senat Bil. 04/2022 Ke-206

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Universiti komited dalam menyediakan peluang pembelajaran fleksibel kepada semua tanpa mengira kekangan geografi dan lokasi pelajar.
- 1.2 Universiti berusaha untuk menawarkan program prasiswazah dan pascasiswazah secara terbuka dan jarak jauh bagi memenuhi keperluan individu yang bekerja dan golongan professional yang ingin menyambung pengajian di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- 1.3 Garis panduan ini merangkumi penyediaan dokumen pembangunan program akademik prasiswazah dan pascasiswazah secara terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning - ODL*) di UNIMAS.

## 2.0 SKOP

- 2.1 Garis panduan pembangunan program akademik pembelajaran terbuka dan jarak jauh (*Open and Distance Learning - ODL*) UNIMAS boleh digunakan bagi semua peringkat pengajian program akademik.

## 3.0 DEFINISI

- 3.1 Berikut adalah takrifan istilah-istilah yang berkaitan dengan program pengajian secara ODL yang digunakan dalam garis panduan ini:

Jadual 1: Takrifan Istilah Program Pengajian Secara mod ODL.

PERKATAAN / ISTILAH	TAKRIFAN
Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh ( <i>Open and Distance Learning</i> )	<p>a) Istilah pembelajaran terbuka dan jarak jauh mencerminkan dua fakta iaitu semua atau kebanyakan pengajaran dikendalikan oleh seseorang dalam masa dan ruang yang terpisah dari pelajar, dan misi tersebut bertujuan untuk merangkumi dimensi keterbukaan dan fleksibiliti yang lebih luas, sama ada dari segi akses, kurikulum, atau lain-lain struktur elemen (<i>UNESCO, 2002</i>).</p> <p>b) Kebanyakan definisi pembelajaran terbuka dan jarak jauh memberi perhatian kepada ciri-ciri berikut: pemisahan guru dan pelajar dari segi masa dan tempat; akreditasi institusi; penggunaan perisian pelbagai-media, komunikasi dua hala, kemungkinan</p>

	<p>perjumpaan bersemuka dan penggunaan proses perindustrian (<i>Commonwealth of Learning</i>, 1999).</p> <p>c) Pembelajaran terbuka dan jarak jauh merujuk kepada pendidikan dan latihan di mana penggunaan sumber pembelajaran, berbanding dengan menghadiri sesi bilik darjah, adalah ciri utama pengalaman pembelajaran (<i>Commonwealth of Learning</i>, 2003).</p>
<p><i>Self-Instructional Materials</i> (SIM) atau Bahan Pembelajaran Kendiri</p>	<p>Bahan pembelajaran ODL seharusnya direka dalam bentuk bahan pembelajaran sendiri yang berasaskan prinsip reka bentuk pengajaran yang kukuh (seperti mesra pelajar, bahasa yang mudah difahami, gaya penulisan perbualan, merangkumi aktiviti pembelajaran, penilaian sendiri, dan maklum balas). Bahan tersebut boleh dihasilkan dalam pelbagai bentuk seperti cetakan, laman web, multimedia, dan lain-lain. Panduan belajar juga boleh menjadi bahagian penting dalam SIM.</p>
<p>Fleksibel</p>	<p>Pilihan yang disediakan untuk mendapat pendidikan di mana sahaja, pada bila-bila masa, dan dengan apa cara sekalipun.</p>
<p>Akses</p>	<p>Peluang yang disediakan untuk semua bagi membebaskan pelajar dari kekangan masa dan tempat.</p>
<p>Pelbagai Mod</p>	<p>Penggunaan pelbagai sistem penyampaian dan sumber pembelajaran.</p>
<p>Bersemuka Konvensional</p>	<p>Interaksi fizikal secara berhadapan di antara pelajar dan pensyarah.</p>

Bersemuka Elektronik	Interaksi secara maya melalui media elektronik yang memudahkan pelajar dan pensyarah berkomunikasi dalam masa nyata atau secara langsung.
e-Pembelajaran	Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi untuk menyokong proses pembelajaran dan pengajaran.
Moderator	Seorang kakitangan akademik dari universiti atau yang dilantik dari mana-mana institusi atau organisasi atau industri yang bertanggungjawab untuk memeriksa kesesuaian, memperhalusi, dan mempertingkatkan bahan pembelajaran, soalan peperiksaan atau tugas.
Penyelaras Program	Seorang kakitangan akademik dari universiti yang bertanggungjawab untuk keseluruhan pengurusan program seperti perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan penambahbaikan.
Penyelaras Kursus	Seorang kakitangan akademik dari universiti atau yang dilantik dari mana-mana institusi atau organisasi atau industri yang diiktiraf, bertanggungjawab untuk menyelia penyampaian mata pelajaran termasuk penyediaan tugas, ujian, peperiksaan, dan semakan kurikulum.
Pensyarah	Seorang kakitangan akademik dari universiti atau yang dilantik dari mana-mana institusi atau organisasi atau industri yang diiktiraf, bertanggungjawab dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dan mengendalikan sesi bersemuka secara fizikal dan/atau elektronik.

<p>Penulis Modul atau Isi Kandungan</p>	<p>Seorang kakitangan akademik dari universiti sendiri atau yang dilantik dari mana-mana institusi atau organisasi atau industri yang diiktiraf, bertanggungjawab dalam penyediaan bahan pembelajaran.</p>
<p>Pelantar Elektronik</p>	<p>Pelantar elektronik (contohnya. *LMS, *LCMS dan portal pembelajaran) berfungsi sebagai suatu pelantar dalam talian untuk memaparkan pelbagai bahan pembelajaran digital, ujian, tugas, dan maklumat pentadbiran yang boleh diakses oleh para pensyarah dan pelajar. Ia juga berperanan sebagai suatu landasan bagi menyokong interaksi secara dalam talian di antara pensyarah dan pelajar dengan menggunakan pelbagai perkakasan web. Pelantar LMS harus mempunyai fitur-fitur seperti pengurusan pengguna, pengurusan kursus, komunikasi, pembelajaran kolaboratif, dan pelaporan.</p> <p>*LMS: Sistem Pengurusan Pembelajaran *LCMS: Sistem Pengurusan Isi Kandungan Pembelajaran</p>
<p>Pusat Pembelajaran</p>	<p>Sebuah pusat atau kemudahan yang ditubuhkan oleh kampus induk untuk berhubung dengan pelajar di kawasan sekitar atau negara yang berlainan. Pusat ini merupakan pusat sokongan atau pusat bantuan pelajar untuk pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Nama lain untuk pusat ini ialah Pusat Wilayah.</p>
<p><i>Synchronous &amp; asynchronous</i> (Segerak &amp; tak segerak)</p>	<p><i>Synchronous</i> merujuk kepada interaksi yang berlaku secara segerak dalam masa nyata di mana sekumpulan pelajar terlibat secara kolektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran boleh berlaku secara fizikal atau maya.</p>

	<p><i>Asynchronous</i> merujuk kepada interaksi elektronik yang berlaku secara tak segerak atau mod tertangguh. Pembelajaran tak segerak adalah berpusatkan pelajar yang membebaskan pelajar daripada kekangan masa dan ruang.</p>
--	--

Rujukan: Kod Amalan bagi Akreditasi Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (COPPA), Edisi ke-2, MQA (2019 terkini 2021).

## **4.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **4.1 Pusat Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (ODL)**

- 4.1.1 Menyediakan maklumat mengenai program akademik ODL yang ditawarkan oleh semua fakulti dan institut di UNIMAS.
- 4.1.2 Membuat hebahan mengenai peluang pengajian, syarat-syarat, biasiswa, bantuan, dan pelbagai insentif kewangan yang ditawarkan bagi program akademik ODL.
- 4.1.3 Menyediakan manual, panduan penggunaan, garis panduan, dan tutorial berkaitan program akademik ODL untuk rujukan pensyarah, pelajar, dan staf sokongan.
- 4.1.4 Menyemak dokumen kelayakan akademik pelajar untuk tujuan pendaftaran pengajian.
- 4.1.5 Memaklumkan kepada pelajar mengenai keperluan tertentu program akademik ODL seperti kemudahan media komunikasi elektronik dan internet.
- 4.1.6 Merancang dan melaksanakan sesi orientasi pelajar program akademik ODL di peringkat universiti.
- 4.1.7 Memantau pelaksanaan dan perkembangan penggunaan pelantar ODL di kalangan pensyarah dan pelajar dan melaporkannya kepada pihak universiti secara berkala.
- 4.1.8 Menjalankan kajian keberkesanan program akademik ODL dan mencadangkan penambahbaikan yang diperlukan.
- 4.1.9 Mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan tentang e-pembelajaran bagi program akademik ODL.
- 4.1.10 Menyelaraskan dan melaporkan kemajuan pengajian pelajar di fasa akhir setiap semester kepada jawatankuasa peringkat Senat untuk kelulusan dan perakuan.

### **4.2 Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM)**

- 4.2.1 Menyediakan maklumat dan perkhidmatan yang diperlukan oleh pensyarah dan pelajar selari dengan fungsi dan tanggungjawab pusat.
- 4.2.2 Menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelaksanaan e-pembelajaran di universiti sejajar dengan Polisi e-Pembelajaran UNIMAS dan inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang berkaitan dengan e-pembelajaran.



- 4.2.3 Menyediakan, memantau, dan menaiktaraf pelantar elektronik (LMS) bagi pelaksanaan program akademik ODL.

### **4.3 Fakulti**

- 4.3.1 Menyediakan dokumen program akademik MQA ODL bagi permohonan penawaran dan akreditasi.
- 4.3.2 Menyediakan buku panduan pelajar dan SIM bagi program akademik ODL masing-masing.
- 4.3.3 Merancang dan melaksanakan sesi orientasi pelajar program akademik ODL di peringkat program.
- 4.3.4 Mencadangkan nama penyelar program, penyelar kursus, pengajar, moderator, penulis modul atau isi kandungan, dan lantikan-lantikan yang berkaitan kepada Pusat ODL.
- 4.3.5 Memastikan pelajar mendaftar kursus pada setiap semester berdasarkan kalendar akademik pengajian.
- 4.3.6 Memastikan kemajuan pengajian pelajar di fasa akhir setiap semester dibentangkan di Jawatankuasa Akademik ODL Fakulti.

### **4.4 Pensyarah**

- 4.4.1 Memberi khidmat pembelajaran dan pengajaran berkualiti tinggi kepada pelajar.
- 4.4.2 Menjelaskan mutu dan kualiti kerja bertulis yang diharapkan dari pelajar.
- 4.4.3 Menghadiri latihan-latihan berkaitan dengan penyampaian pembelajaran dan pengajaran program akademik ODL.
- 4.4.4 Membangun dan mengemaskini SIM untuk kursus-kursus program akademik ODL yang dipertanggungjawabkan.

### **4.5 Pelajar**

- 4.5.1 Memastikan keperluan tertentu dalam kursus-kursus program ODL seperti kemudahan media komunikasi elektronik (komputer dan jaringan internet) dan lain-lain keperluan yang berkaitan telah disediakan.
- 4.5.2 Mendaftar kursus secara dalam talian menerusi sistem yang disediakan oleh fakulti mengikut prosedur, tarikh, dan waktu yang ditetapkan.
- 4.5.3 Mengikuti kursus-kursus berkenaan mengikut jangka masa yang telah ditetapkan oleh universiti.

- 4.5.4 Menghadiri sesi tutorial bersemuka yang telah ditetapkan berdasarkan jadual pelaksanaan kursus.
- 4.5.5 Menghadiri sekurang-kurangnya 80 peratus daripada jumlah sesi tutorial bersemuka menerusi secara fizikal atau maya (menerusi medium komunikasi rasmi) yang telah ditetapkan oleh universiti.
- 4.5.6 Pelajar tidak perlu hadir secara fizikal di universti sepanjang pengajian kecuali dikehendaki secara rasmi atau bertulis berdasarkan struktur pengajian.
- 4.5.7 Memastikan semua tugasan dan aktiviti pentaksiran yang diikuti adalah hasil kerja mereka sendiri dan bukannya hasil kerja pelajar lain atau orang lain.

## 5.0 PEMBANGUNAN DAN PENYAMPAIAN PROGRAM

- 5.1 Program pengajian yang boleh ditawarkan dalam bentuk ODL ialah program pengajian bersemuka konvensional sedia ada yang telah mendapat akreditasi penuh daripada pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau badan professional yang berkaitan.
- 5.2 Penawaran program baharu dalam bentuk ODL mestilah melalui proses kelulusan seperti program konvensional dengan kelulusan JPT, KPT dan akreditasi sementara dan penuh dengan pemakluman kepada MQA.
  - 5.2.1 Penyediaan kertas kerja program baharu berdasarkan proses permohonan program baharu (termasuk Mesyuarat Saringan Awal (MSA) Dalaman UNIMAS, MSA peringkat Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)) serta penyediaan dokumen Kod Amalan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh berdasarkan kesemua Sembilan bidang Kod Amalan Akredetasi Program ODL (COP-ODL) yang menjadi garis panduan kepada UNIMAS dan MQA untuk menjamin kualiti program akademik ODL untuk akreditasi sementara.
  - 5.2.2 Selepas itu, proses akreditasi penuh perlu dikemukakan ke MQA melalui PPPA dan BJKA.
- 5.3 Program perlu mempunyai komposisi kursus yang ditawarkan secara mod ODL melebihi 60% daripada keseluruhan bilangan kursus yang ditawarkan dalam program tersebut. Penawaran kursus berstatus ODL harus mempunyai sekurang-kurangnya 80% jam pembelajaran pelajar (SLT) akan dilaksanakan secara mod ODL.
- 5.4 Universiti perlu mempunyai pelantar ODL atau *Electronic Learning Platform* (contoh: *Learning Content Management System*, LCMS) atau *Learning Management System* (LMS) tersendiri yang lengkap sebelum mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara (*Provisional Accreditation*, PA)

- 5.5 Universiti perlu mempunyai unit atau bahagian khas yang bertanggungjawab dan bekerjasama dengan pihak fakulti untuk mereka bentuk dan membangun *Self-Instructional Materials* (SIM).
- 5.6 Program perlu mempunyai SIM untuk semua subjek atau kursus Semester 1 program ODL semasa mengemukakan permohonan PA.
- 5.7 Program perlu mempunyai SIM untuk semua subjek atau kursus dalam Tahun 1 program ODL selepas program ini dikendalikan untuk satu semester selepas menerima kelulusan PA dan kelulusan pengendalian program Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- 5.8 Program perlu mempunyai SIM untuk semua subjek atau kursus dalam program ODL semasa mengemukakan permohonan Akreditasi Penuh (*Full Accreditation*, FA).
- 5.9 SIM perlu dibangunkan sepenuhnya bagi subjek atau kursus yang akan diambil oleh pelajar yang telah mendapat pindah kredit.
- 5.10 Program mesti merujuk kepada pihak berkepentingan dalam pembangunan kurikulum termasuk pakar pendidikan dan pakar ODL.
- 5.11 Program mesti mempunyai kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dan relevan dengan PEO dan PLO yang meliputi perkara berikut:
  - 5.11.1 Program mesti mewujudkan mekanisma atau sistem di mana semua bentuk interaksi dan penyampaian adalah bersepadu.
  - 5.11.2 SIM untuk program ODL boleh disediakan dengan cara berikut: (a) menerima pakai bahan sedia ada; (b) menyesuaikan bahan sedia ada; (c) mencipta bahan asli; atau (d) sebarang pendekatan lain yang sesuai.
  - 5.11.3 Program harus mempertimbangkan pemilikan hak harta intelek dan dasar perlesenan untuk bahan pembelajaran, objek pembelajaran, dan inovasi pembelajaran. Undang-undang hak cipta dan amalan terbaik mesti ada dan dipatuhi.
  - 5.11.4 Program mesti mempunyai cara interaksi antara pelajar dan pensyarah secara segerak (*synchronous*) atau tak segerak (*asynchronous*) atau gabungan kedua-duanya. Walau bagaimanapun, sesi bersemuka yang dijadualkan mesti dijalankan secara segerak (*synchronous*) yang boleh dilaksanakan secara fizikal atau elektronik.
- 5.12 Syarat Kemasukan
  - 5.12.1 Pelajar mestilah memenuhi syarat kelayakan masuk bagi program akademik ODL di UNIMAS.
- 5.13 Bidang Pengajian
  - 5.13.1 Program pengajian yang dipilih untuk ditawarkan dalam bentuk ODL mestilah merupakan bidang pengajian yang dapat dibuktikan boleh dilaksanakan menerusi mod ODL.

- 5.13.2 Fakulti perlu memastikan kelestarian penawaran program secara ODL dengan melihat perkembangan, permintaan, dan keperluan semasa bagi bidang pengajian tertentu.
- 5.14 Kaedah Pelaksanaan
- 5.14.1 Jumlah minimum kredit program adalah berdasarkan kelulusan program di Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang merujuk kepada keperluan Kerangkaan Kelayakan Malaysia 2.0 (MQF2.0).
- 5.14.2 Jika bersesuaian dengan bidang pengajian, program secara ODL boleh dilaksanakan secara 100% dalam talian tanpa perlu kehadiran pelajar secara fizikal di kampus induk UNIMAS.
- 5.14.3 Kelulusan perpindahan kredit adalah mengikut peraturan akademik pengajian prasiswazah dan pascasiswazah UNIMAS.
- 5.14.4 Penyelaras kursus harus memastikan kandungan kursus dalam pelantar ODL adalah betul, konsisten, dan sepadan dengan *Course Outline*, *MQA Table 4*, dan *Student Study Guide*.
- 5.14.5 Pensyarah kursus harus menggunakan fitur-fitur pelantar ODL dan web konferensi rasmi yang dilangani UNIMAS dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan *Self-Instructional Materials (SIM)* dalam platform ODL yang disediakan oleh universiti.
- 5.14.6 Pensyarah kursus boleh menggunakan fitur *completion tracking* dalam pelantar ODL untuk memantau prestasi pelajar dalam kursus. Sebaik-baiknya, pelajar harus berusaha untuk mencapai *completion tracking* sepenuhnya sebelum semester tamat.

Seksyen 5.0 Pembangunan dan Penyampaian ini perlu dibaca bersama dengan Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, MQA dan Kod Amalan bagi Akreditasi Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (COPPA), Edisi ke-2, MQA (2019 terkini 2021), yang boleh didapati di portal rasmi MQA: [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my).

## 6.0 PENILAIAN PELAJAR

- 6.1 Universiti perlu membangunkan mekanisme dan polisi penilaian pelajar yang berstruktur.
- 6.2 Universiti perlu memantau penyertaan pelajar dalam aktiviti pentaksiran dan pembelajaran melalui pelantar e-pembelajaran universiti.
- 6.3 Pelaksanaan aktiviti pentaksiran pelajar mesti mengambilkira fleksibiliti dan kesesuaian lokasi dan masa.
- 6.4 Bagi kursus yang memerlukan peperiksaan bertulis, program perlu menggunakan sistem pengawasan peperiksaan secara dalam talian (*Online Exam Proctoring System*) yang disediakan oleh CALM melalui pelantar e-pembelajaran universiti.

- 6.5 Disebabkan ODL merupakan kaedah pembelajaran dan pengajaran berbentuk fleksibel, pelajar dibenarkan menghantar tugas-tugas pentaksiran lebih awal daripada tarikh akhir yang dijadualkan pada awal semester.
- 6.6 Pelantar eLEAP EXAM boleh digunakan untuk melaksanakan pentaksiran pertengahan semester dan akhir semester. Kursus-kursus program akademik ODL boleh menggunakan fitur pengawasan (*proctoring*) yang disediakan oleh universiti.
- 6.7 Jika perlu, pelajar harus bersedia untuk memenuhi keperluan aksesori atau teknologi (seperti kamera web, jaringan internet yang stabil, mikrofon, dan sebagainya) untuk kegunaan sesi pentaksiran yang mengamalkan pemantauan menerusi sistem *proctoring*.
- 6.8 Pelajar boleh membuat rayuan semak semula kepada Pengarah Pusat ODL.

## 7.0 PEMILIHAN DAN KHIDMAT SOKONGAN PELAJAR

- 7.1 Saiz pengambilan pelajar adalah bergantung kepada kemampuan dan kapasiti sumber program ODL tersebut. Saiz pengambilan untuk jenis program (contohnya, seni, sains, dan perniagaan) akan ditentukan secara berbeza. Nisbah pengambilan akan diselaraskan dengan bilangan kakitangan yang tersedia untuk melaksanakan program akademik ODL.
- 7.1 Universiti perlu mempunyai modul sesi orientasi untuk mendedahkan pelajar kepada segala aspek ODL yang berkaitan.
- 7.2 Perkhidmatan sokongan pembelajaran yang sesuai untuk pelajar ODL, perlu disediakan termasuk pelajar baharu, pelajar pertukaran, dan pelajar berkeperluan khas.
- 7.3 Sesi tutorial bersemuka boleh diadakan secara maya atau secara fizikal.
- 7.4 Universiti perlu mempunyai bilangan staf sokongan pentadbiran, staf sokongan teknikal, dan staf akademik yang mencukupi termasuk pereka bentuk instruksi, penyunting, pereka grafik dan kakitangan sokongan ICT untuk menyokong pelaksanaan program dan aktiviti pembelajaran yang kebanyakannya dikendalikan secara dalam talian.
- 7.5 Pelajar boleh membuat aduan mengenai hal-hal lain melalui *UNIMAS Support*.

## 8.0 STAF AKADEMIK

- 8.1 Program perlu mempunyai penyelaras kursus berkelayakan yang dilantik secara sepenuh masa. Pensyarah sambilan yang berkelayakan boleh dilantik untuk mengendalikan sesi tutorial.
- 8.2 Pusat ODL perlu melaksanakan latihan pembangunan yang berstruktur kepada pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam pelaksanaan program akademik ODL tentang pemahaman mengenai ODL, pelaksanaan dan

pengurusan sesi tutorial, dan pengurusan kursus-kursus dalam pelantar ODL.

## 9.0 SUMBER PENDIDIKAN

- 9.1 Universiti perlu mempunyai polisi e-pembelajaran yang merangkumi aspek pemilihan dan penggunaan alat elektronik, rangkaian dalaman dan luaran, kandungan digital, dan aspek lain yang berkaitan seperti penggunaan teknologi maklumat untuk komunikasi dan pembelajaran.
- 9.2 Universiti perlu mempunyai kemudahan fizikal dan maya (pelantar e-pembelajaran elektronik dan perpustakaan digital) dan sumber pendidikan yang mencukupi dan sesuai untuk memastikan penyampaian ODL yang berkesan, termasuk kemudahan untuk program yang perlu memenuhi komponen praktikal, kemudahan untuk menjalankan penyelidikan, dan kemudahan bagi mereka yang berkeperluan khas.
- 9.3 Universiti perlu menyediakan bahan sokongan serta bimbingan kepada pelajar, pensyarah, dan staf sokongan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran secara ODL.
- 9.4 Universiti yang menubuhkan Pusat Wilayah atau Pusat Pembelajaran di luar kawasan daripada kampus induk perlu memastikan mendapat kelulusan pengendalian program daripada KPT.

## 10.0 PEMANTAUAN PROGRAM, PENAMBAHBAIKAN KUALITI BERTERUSAN (CQI), DAN SEMAKAN KURIKULUM (CRM)

- 10.1 Peningkatan kualiti memerlukan program dipantau, disemak, dan dinilai secara berkala. Pemantauan dan semakan untuk program akademik ODL hendaklah merangkumi elemen seperti sistem atau struktur ODL, bahan pengajaran dan pembelajaran sendiri, sistem penyampaian, sistem komunikasi, perkhidmatan sokongan pelajar, kekuatan kewangan, sistem penilaian, strategi pengajaran, dan kemudahan fizikal. Setiap program harus bertanggungjawab dalam memantau, menyemak, dan menilai komponen kurikulum serta kemajuan, kebolehpasaran, dan prestasi pelajar.

Garis panduan ini perlu dibaca bersama dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan:

- Garis Panduan Amalan Baik: Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum, MQA
- Kod Amalan bagi Akreditasi Program Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (COPPA), Edisi ke-2, MQA (2019 terkini 2021)
- Polisi e-Pembelajaran UNIMAS
- Polisi Pendidikan Fleksibel UNIMAS
- Manual Jaminan Kualiti Akademik UNIMAS

**PENAFIAN/LAIN-LAIN**

UNIMAS berhak meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kehendak semasa dengan mengambil kira pandangan semua pihak yang berkaitan dan berkepentingan serta perkembangan teknologi terkini, tertakluk kepada perubahan.

Disediakan oleh Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM).

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>
1.	Dr Kartini Abd Ghani	Pengarah
2.	Dr Terry Lukas @ Lucas	Timbalan Pengarah (Teknologi Pembelajaran)
3.	Dr Nor Mazlina Ghazali	Timbalan Pengarah (Pemajuan Pembelajaran)
4.	Dr Hafizah Abdul Halim Yun	Penyelaras e-Pembelajaran
5.	Ts. Dr Dayang Azra Awang Mat	Penyelaras Unit Latihan Akademik
6.	Hjh Cik Sharifah Norizan Wan Zain	Penolong Pengarah Kanan

**SENARAI PENYUMBANG**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Pusat Tanggungjawab</b>
1.	Dr Farah Akmal Idrus	Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik
2.	Dr Aidil Azli Alias	Bahagian Jaminan Kualiti Akademik
3.	Dr Siti Mariam Abdullah	UNIMAS Edu Sdn. Bhd.
4.	Prof Madya Dr Soubakeavathi Rethinasamy	Fakulti Bahasa dan Komunikasi
5.	Prof Madya Dr Noor Alamshah Bolhassan	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
6.	Dr Dayang Norafizan Awang Chee	Fakulti Sains dan Teknologi Sumber
7.	Dr Mahsuri Yusof	Fakulti Kejuruteraan
8.	Dr Daniel Ugih Echoh	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
9.	Dr Shafinah Begum Abdul Rahim	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
10.	Dr Mastika Lamat	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
11.	Dr Shazrina Ahmad Razali	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
12.	Dr Mohd Afzan @ Noorawavi Mohamed	Fakulti Alam Bina
13.	Ir Dr Ting Sim Nee	Fakulti Kejuruteraan